JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR
TINGKAT 3 & 4, BLOK B
WISMA PERSEKUTUAN
JALAN AIR MOLEK
80590 JOHOR BAHRU
NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM

Telefon : 07-2245180/188/189
No. Fax : 07-2232603 [Pengarah]
2247361

LAPORAN SITUASI TERKINI
DEMAM DENGGI NEGERI JOHOR
MINGGU EPID KE 31/2014

1. Statistik Mingguan

Bilik Gerakan Denggi, Jabatan Kesihatan Negeri Johor ingin memaklumkan situasi denggi bagi Negeri Johor pada Minggu Epid **ke 31/2014** yang berakhir pada **3 Ogos 2014.** Sebanyak **109** laporan kes demam denggi telah diterima pada minggu ini. Bilangan ini menurun sebanyak 19 kes (15%) berbanding minggu sebelumnya dan jumlah kes ini adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan tempoh yang sama minggu epid tahun 2013. Pada minggu epid ke 31/2014, tiada kematian dilaporkan. (Rujuk lampiran 1)

2. Statistik Kumulatif

Kumulatif kes demam denggi pada tahun ini sehingga minggu epid ke 31/2014 adalah sebanyak 3236 kes dan mencatatkan kenaikan sebanyak 47% kes berbanding tempoh yang sama tahun 2013 (2196 kes). Kumulatif kematian denggi sehingga Minggu Epid ke 31/2014 ialah 16 kematian dengan peningkatan sebanyak 9 kes (129%) berbanding tahun 2013 bagi tempoh masa yang sama.(2013=8 kematian)

3. Statistik Daerah

Bagi minggu Epid 31/2014, 9 daerah dalam Negeri Johor telah melaporkan kes. Daerah yang melaporkan kes terbanyak adalah daerah Johor Bahru yang menyumbang kepada 65% jumlah keseluruhan kes, diikuti dengan daerah Kluang 11%, Batu Pahat 10%, Kulaijaya 6%, Ledang 3% dan Segamat, Pontian dan Mersing masing-masing mencatatkan 1%. Peningkatan kes berlaku di daerah Johor Bahru, Ledang dan Kluang berbanding minggu sebelumnya.

4. Lokaliti Wabak

Pada minggu Epid 31/2014, 9 lokaliti wabak baru dilaporkan yang berlaku di daerah Johor Bahru (8 lokaliti) dan Batu Pahat (1 lokaliti). Jumlah terkumpul lokaliti wabak adalah 325 lokaliti berbanding 265 lokaliti wabak bagi tempoh yang sama pada tahun lalu. Ada 22 wabak masih aktif sehingga minggu epid 31/2014.

5. Aktiviti Pencegahan dan Kawalan

Tindakan kawalan denggi yang telah dilakukan adalah aktiviti semburan di kawasan yang mempunyai wabak dan potensi denggi. Semua kawalan telah dijalankan dengan cekap dan berkesan.

Tindakan penguatkuasaan denggi yang telah dilakukan adalah melaksanakan aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa penyakit 1975. Aktiviti yang dijalankan adalah mengeluarkan kompaun bagi premis yang mempunyai positif aedes dan mengeluarkan Notis (seksyen 8) bagi mereka yang tidak mematuhi perintah untuk mengurangkan pembiakan nyamuk aedes. (Rujuk lampiran 2)

Selain itu aktiviti pendidikan kesihatan kepada masyarakat telah dijalankan, antaranya adalah ceramah tentang bahaya denggi kepada orang ramai dan pameran kesihatan tentang denggi di sekolah. Selain itu aktiviti gotong royong secara besar-besaran dan operasi penguatkuasaan di peringkat daerah yang melibatkan penyertaan dari segenap lapisan peringkat umur dapat memberikan kesedaran bahawa menjaga kebersihan itu adalah penting untuk mencegah nyamuk aedes membiak.

Statistik pesakit denggi yang mendapat rawatan pertama di hospital-hospital kerajaan seluruh Johor sehingga M31/2014 adalah seramai 510 orang. Selebihnya telah mendapatkan rawatan di hospital swasta, klinik kerajaan dan klinik swasta. (Rujuk lampiran 3)

6. Nasihat

Semua pihak perlulah mengambil langkah –langkah agresif bagi membendung penularan penyakit ini. Pemusnahan tempat pembiakan dan penghapusan bekas berpotensi

pembiakan aedes, masih merupakan kunci utama dalam mengelakkan penularan penyakit demam denggi. Aktiviti ini perlulah dilakukan secara mingguan dan secara konsisten.

Melalui pemantauan masih terdapat banyak lagi lokaliti dan taman perumahan yang mempunyai indeks pembiakan Aedes yang tinggi. Kerja-kerja pemusnahan dan gotong royong oleh penduduk setempat dengan kerjasama ahli majlis perlulah dipertingkatkan bagi menurunkan kadar pembiakan nyamuk Aedes ditempat masing masing.

Peringatan khusus buat pengurusan sekolah supaya dapat memastikan kawasan sekolah bebas dari pembiakan jentik jentik dan nyamuk Aedes. Pemeriksaan tempat-tempat potensi pembiakan seperti di tangki bilik air dan tandas perlu dilakukan kerana tempat tempat ini berpotensi untuk pembiakan kerana kurang digunakan semasa cuti sekolah. Pemantauan tahap kesihatan pelajar pelajar sekolah juga perlu dilakukan bagi memastikan pelajar mendapat rawatan segera sekiranya mereka demam.

Jabatan Kesihatan Negeri Johor juga menasihatkan orang ramai supaya memberi kerjasama semasa anggota kesihatan menjalankan pemeriksaan Aedes dan semburan kabus bagi mengatasi masalah perebakan denggi di sesuatu tempat. Masyarakat juga perlu meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit setiap hujung minggu untuk memeriksa rumah dan persekitaran bagi memastikan tiada pembiakan nyamuk Aedes.

Masyarakat dikehendaki mendapatkan rawatan awal sekiranya demam dan mengambil maklum tentang persekitaran kawasan masing masing. Jabatan Kesihatan Negeri johor merayu kerjasama penduduk di lokaliti wabak untuk bertindak segera memusnahkan tempat-tempat pembiakan dengan menjalankan gotong royong.

Sekian dan terima kasih.

DR. MOHD. KHAIRI BIN YAKUB
Pengarah Kesihatan Negeri Johor
Tarikh : 03 Ogos 2014

Lampiran

1. Statistik kes denggi mengikut minggu epid sehingga ME31/2014



2. Aktiviti pencegahan dan kawalan yang telah dibuat sehingga M18/2014

BIL	KAWALAN VEKTOR	JUMLAH
1	Bil. premis yang diperiksa	57,230
2	Bil. premis yang positif pembiakan	1,400
3	Bil. Perintah Notis (Seksyen 8) dikeluarkan	130
4	Bil. kompaun yang dikeluarkan	385
5	Jumlah amaun kompaun ditawarkan (RM)	192,500
6	Bil. kompaun yang dibayar	179
7	Jumlah amaun kompaun yang dibayar (RM)	39,650
8	Peratusan kompaun dibayar (%)	0
9	Bil. kes daftar di Mahkamah	0
10	Bil. arahan berhenti kerja dikeluarkan	0
11	Bil. premis ditutup dibawah Seksyen perenggan 8(3)(aa)	0
12	Bil. Tindakan susulan terhadap notis sek.8	130

3. Bilangan pesakit denggi yang mendapatkan rawatan pertama di hospital kerajaan dan swasta sehingga M31/2014

Daerah	Klinik kerajaan	Klinik Swasta	Jumlah	Hospital kerajaan	Hospital Swasta	Jumlah
Johor Bahru	822	525	1347	233	236	469
Kulaijaya	247	67	314	1	1	2
Muar	38	2	40	14	4	18
Ledang	23	0	23	14	1	15
Batu Pahat	114	57	171	118	115	233
Kluang	101	19	120	87	108	195
Segamat	64	2	66	15	3	18
Pontian	35	28	63	0	0	0
Kota Tinggi	85	4	89	15	4	19
Mersing	21	0	21	13	0	13
Jumlah	1550	704	2254	510	472	982

4. Gotong royong yang telah diadakan sehingga Minggu Epid 31/2014

Aktiviti	Bil. Kumulatif lokaliti wabak		Minggu epid 31/2014	Kumulatif sehingga Minggu epid 31/2014
Daerah	**Wabak Terkawal**	**Wabak Tak Terkawal**	**Bil gotong-royong dijalankan**	**Bil gotong-royong dijalankan**
Johor Bahru	259	2	14	277
Kulaijaya	16	0	0	16
Muar	0	0	0	0
Ledang	1	0	1	2
Batu Pahat	13	0	1	15
Kluang	23	0	2	31
Segamat	1	0	0	1
Pontian	0	0	0	0
Kota Tinggi	7	0	0	6
Mersing	3	0	0	3
Jumlah	323	2	**18**	**351**